

SULIT

3756/2

**PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2
2 JAM 30 MINIT**

NAMA:

TINGKATAN:



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

**MODUL KECEMERLANGAN SPM 2023
SET 1**

**PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2
2 JAM 30 MINIT**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A, dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Tuliskan jawapan bagi Bahagian A dan Bahagian B pada ruangan jawapan yang telah disediakan selepas soalan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Serahkan semula buku soalan kepada pengawas selepas tamat peperiksaan.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	25	
	3	25	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
Jumlah		100	

Kertas ini mengandungi 32 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 (a)** Nyatakan andaian, prinsip dan batasan perakaunan yang terlibat.
- Bayaran pengiklanan Butik Camelia dikenakan bernilai RM2 500.
 - Kilang Roti My Garden membuat keputusan membeli sebuah mesin menguli tepung yang lebih canggih dan dijangka meningkatkan keuntungan kilang untuk beberapa tahun akan datang.

[2 markah]

- (b)** Dokumen di bawah ini diterima oleh Puan Sabrina.

ASAL	INVOIS			NO. 2020
SINAR BERHAD				
Lot 12, Jalan Mawar 01000 Kangar, Perlis				
Kepada:				Tarikh: 8 Julai 2022
Puan Sabrina				
10, Jalan Sentosa 3, Taman Sentosa 44300 Batang Kali, Selangor				
Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Sekotak (RM)	Jumlah (RM)
1.	Buah naga gred 1	100	50	5 000
Jumlah				5 000
Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja				
Syarat 5% 7 hari, 2% 14 hari				
Serahan: Angkutan dibayar				
K & K di K				
<u>Sabrina</u> Penerima		<u>Marina</u> Pengurus		

Hitungkan diskain tunai yang diperoleh sekiranya bayaran dibuat pada 12 Julai 2022.

[2 markah]

- (c) Maklumat yang berikut diperolehi daripada Syarikat Permata Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
600 000 unit 10% Syer Keutamaan	RM1 800 000
500 000 unit Syer Biasa	RM1 000 000

Lembaga pengarah mengisyiharkan dividen syer biasa pada kadar 25 sen sesyer.
Hitung jumlah dividen akhir syer biasa.

[2 markah]

- (d) Nyatakan dua implikasi rekod tak lengkap terhadap maklumat perakaunan perniagaan.
[2 markah]

- (e) Maklumat yang berikut diambil daripada Perniagaan Bintang.

	RM
Kadar bayaran prabayar	2 000
Overdraf bank	12 000
Akaun belum terima	34 000

Hitung nisbah semasa bagi perniagaan tersebut.

[2 markah]

**[Lihat halaman sebelumnya]
SULIT**

- 2 (a) Kelab Belia Taman Sri Jaya merupakan persatuan yang menjalankan aktiviti rekreasi. Kelab ini juga mengusahakan sebuah kafe minuman. Berikut ialah maklumat perakaunan kelab tersebut bagi tahun berakhir 31 Mac 2023.

	1 April 2022	31 Mac 2023
	RM	RM
Yuran belum terima	1 220	960
Yuran belum terperoleh	-	2 400
Lengkapan (Kos)	8 500	8 500
Inventori kafe	1 800	1 550
Akaun Belum Terima kafe	500	320
Sewa bangunan belum bayar	600	-
Alatan pejabat	4 500	5 250
Bank	12 500	?

Penerimaan dan pembayaran dalam tahun 2023 adalah seperti berikut:

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Yuran ahli 2022	1 120	Belian inventori kafe	5 600
Yuran ahli 2023	12 720	Upah	5 400
Yuran ahli 2024	2 400	Sewa bangunan	4 400
Derma	10 000	Hadiah pertandingan futsal	650
Jualan kafe	15 320	Insurans	3 600
Akaun Belum Terima	2 500	Alatan pejabat	1 200
Pertandingan futsal	2 250	Kadar bayaran	1 550

Maklumat tambahan:

- Insurans yang dibayar untuk tempoh setahun bermula 1 Oktober 2022.
- Yuran tahun 2022 yang tidak dapat dikutip diisythihar sebagai yuran lapuk.
- 60% daripada bayaran upah merupakan upah kafe manakala selebihnya upah mencuci bangunan.
- Derma telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk menaik taraf gelanggang futsal.
- Lengkapan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran. [4 markah]
- (b) Akaun Perdagangan Kafe bagi tahun berakhir 31 Mac 2023. [4 markah]
- (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mac 2023. [10 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2023. [7 markah]

- 3 Zahiran, pemilik Perniagaan Zahza mula menjalankan operasi perniagaannya bermula pada 1 Januari 2021 di Bandar Meru, Ipoh. Berikut ialah Imbangan Duga perniagaannya pada 31 Disember 2022.

Perniagaan Zahza
Imbangan Duga pada 31 Disember 2022

	Debit	Kredit
	RM	RM
Premis	250 000	
Lengkapan (nilai buku bersih)	67 500	
Jualan		146 000
Belian	68 500	
Pulangan	650	
Akaun Belum Terima	8 700	
Akaun Belum Bayar		5 670
Pinjaman bank (kadar faedah 6% setahun)		48 000
Gaji	32 500	
Kadar bayaran	3 920	
Insurans	2 100	
Bank		10 200
Inventori pada 1 Januari 2022	45 600	
Angkutan masuk	4 600	
Sewa diterima		4 800
Diskaun	460	
Hutang lapuk	520	
Peruntukan Hutang Ragu		240
Ambilan	600	
Faedah atas overdraf	1 200	
Alat tulis	320	
Komisen		340
Tunai	330	
Modal	272 250	
	487 500	487 500

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2022 ialah RM36 500 pada harga kos dan RM38 500 pada harga pasaran.
- (ii) Faedah atas overdraf belum bayar RM250.
- (iii) Premium Insurans telah dibayar untuk setahun sehingga tempoh 28 Februari 2023.
- (iv) Sewa diterima berjumlah RM4 800 termasuk deposit sewa diterima RM1 200.
- (v) Perniagaan telah membeli set lengkapan pada 1 Januari 2021. Kadar susut nilai lengkapan tersebut ialah 10% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan.
- (vi) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 3% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (vii) Zahiran telah menerima RM5 000 hasil daripada urus niaga tunai perniagaannya pada 30 Disember 2022. Beliau telah menggunakan RM2 500 untuk penyelenggaraan premis perniagaan dan bakinya digunakan untuk perbelanjaan keluarganya. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (viii) Pinjaman RM60 000 dan dibayar selama 5 tahun diperoleh dari CIMC Bank pada 31 Disember 2021.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022. [12 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 (a) Along Sdn. Bhd. (ASB) memulakan perniagaan menjual karpet dan perabot pada 1 Julai 2023. Semua urus niaga berikut berlaku dalam bulan Julai 2023.

2023

Julai	1	Memasukkan RM300 000 sebagai modal permulaan perniagaan ke dalam bank dan kenderaan RM50 000.
	3	Membeli kelengkapan kedai RM25 000 daripada Lan Sdn. Bhd. secara tunai.
	9	Membeli karpet dan perabot masing-masing bernilai RM45 000 dan RM82 000 secara kredit daripada Han Seng Sdn. Bhd..
	15	Menjual empat unit perabot bernilai RM14 500 seunit kepada perniagaan Endah Konsultan di mana dua unit dibayar secara tunai dan dua unit secara kredit.
	25	Telah menjual tiga unit perabot kepada Alam Arkitek Sdn. Bhd. bernilai RM45 000 secara kredit.
	27	Membeli 10 unit karpet dengan harga RM2 000 seunit daripada Hussin Sdn. Bhd.. Daripada jumlah tersebut, enam unit dibeli secara tunai dan bakinya adalah secara kredit.
	29	Menghantar nota kredit kepada Alam Arkitek Sdn. Bhd. atas pulangan perabot yang rosak RM13 200.

Anda dikehendaki merekodkan urus niaga tersebut dalam buku catatan pertama yang berkaitan. [10 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- (b) Encik Azman baru sahaja menamatkan pengajiannya dan bercadang untuk memulakan perniagaan minuman atas talian yang dinamakan “KBlizz” pada bulan Ogos 2023 dengan modal tunai di bank sebanyak RM4 000 dan perabot RM2 500. Beliau meminta bantuan anda untuk menyediakan belanjawan tunai tersebut.

Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai perniagaannya adalah seperti berikut:

- (i) Jualan tunai dianggarkan berjumlah RM6 000 sebulan mulai Ogos dan dijangka meningkat sebanyak 20% daripada jualan sebelumnya pada bulan Oktober.
- (ii) Belian kredit adalah 60% daripada harga jualan dengan tempoh kredit selama sebulan.
- (iii) Perniagaan mempunyai 2 orang pekerja yang akan diberi upah sebanyak RM1 200 seorang setiap bulan.
- (iv) Pada bulan September, Encik Azman bercadang untuk membeli “*food truck*” terpakai bernilai RM4 500 dengan bayaran ansuran sebanyak 4 kali bermula Oktober.
- (v) Peruntukan hutang ragu berjumlah RM600 dijangkakan untuk suku tahun tersebut.
- (vi) Perniagaan akan menyertai Festival Usahawan Gempak dan menyewa tapak jualan dengan bayaran RM550 pada bulan Oktober.
- (vii) Anggaran perbelanjaan untuk kadar bayaran sebanyak RM150 setiap bulan.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi 3 bulan berakhir 31 Oktober 2023. [10 markah]

- 5 (a) Perniagaan Buku dan Alat Tulis Cahaya telah memulakan perniagaan bermula pada 1 Januari 2023 di Ipoh, Perak. Berikut adalah urus niaga yang berlaku sepanjang Januari 2023.

2023

- Jan 1 Membawa masuk tunai di tangan sebanyak RM10 000, tunai di bank RM40 000 dan kenderaan bernilai RM45 000.
- 2 Membeli inventori barang niaga secara kredit daripada Pembekal Alat Tulis Lam sebanyak RM5 500.
- 15 Membayar Pembekal Alat Tulis Lam sebanyak RM5 375 menggunakan cek. Terima diskaun RM125.
- 16 Jualan barang niaga secara kredit sebanyak RM1 985 kepada Fatima Enterprise. Harga kos bagi barang niaga tersebut ialah RM1 500.
- 26 Membayar gaji pekerja berjumlah RM500 secara tunai.

Anda dikehendaki melengkapkan jadual persamaan perakaunan di **Lampiran A** berdasarkan semua urus niaga di atas. [8 markah]

- (b) Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Sutera Indah pada 30 April 2023.

Perniagaan Sutera Indah Imbangan Duga pada 30 April 2023		Debit	Kredit
Modal pada 1 Mei 2022			67 700
Belian dan Jualan	15 500	25 850	
Pulangan masuk		350	
Akaun Belum Terima: Ruhaila		5 200	
Akaun Belum Bayar: Zuhaila			3 340
Belanja penyelenggaraan	750		
Sewa		3 210	
Belanja am	800		
Tunai		7 150	
Bank	10 000		
Inventori pada 1 Mei 2022		8 950	
Kenderaan	51 400		
	<u>100 100</u>	<u>100 100</u>	

Berikut adalah beberapa kesilapan yang ditemui selepas Imbangan Duga di atas disediakan.

- (i) Belian tunai RM560 belum direkod dalam mana-mana buku.
- (ii) Belanja am RM255 direkod dalam akaun belanja penyelenggaraan.
- (iii) Pembayaran hutang kepada Zuhaila sebanyak RM375 telah didebitkan dalam Akaun Belum Terima Ruhaila.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Jurnal Am bagi membetulkan kesilapan di atas. (Keterangan tidak diperlukan) [6 markah]
- (b) Imbangan Duga terselaras pada 30 April 2023. [6 markah]

- 6 Encik Akmal dan Encik Lokman ialah pekongsi bagi Perkongsian Akman. Mereka akhirnya bersetuju untuk membubarkan perkongsian mereka pada 31 Mei 2023. Pembahagian untung atau rugi adalah mengikut nisbah modal masing-masing.

Berikut ialah Penyata Kedudukan Kewangan yang menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan mereka pada tarikh pembubaran:

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2023

	RM		RM
Lengkapan	50 000	Akaun Modal Akmal	50 000
Perabot	15 500	Akaun Modal Lokman	25 000
Inventori	13 500	Akaun Semasa Akmal	10 000
Akaun Belum Terima	3 600	Akaun Semasa Lokman	3 500
Bank	7 700	Akaun Belum Bayar	1800
	<hr/> 90 300		<hr/> 90 300

Berikut ialah maklumat yang perlu diambil kira semasa proses pembubaran.

- (i) Perabot dijual pada harga RM11 000.
- (ii) Lengkapan dan Inventori diambil alih oleh Pekongsi Akmal pada nilai RM40 000 dan RM5 000.
- (iii) Akaun Belum Terima sebanyak RM600 dihapuskan sebagai hutang lapuk, Akaun Belum Terima yang lain dijelaskan menggunakan cek.
- (iv) Semasa proses pembubaran, terdapat kadar bayaran belum bayar sebanyak RM500.
- (v) Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya selepas mendapat diskain daripada pembekal sebanyak RM200.
- (vi) Belanja realisasi sebanyak RM400 dibayar menggunakan cek.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi [8 markah]
- (b) Akaun Modal Pekongsi (beruangan) [5 markah]
- (c) Akaun Bank [7 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Ruang jawapan Soalan 5 (a):

LAMPIRAN A

ASET					LIABILITI + EKUITI				
Tarikh	Kenderaan	Tunai	Bank	Inventori	Akaun Belum Terima	Akaun Belum Bayar	Modal	Hasil	Belanja
2023									
Jan 1									
2									
15									
16									
26									
31									

[Lihat halaman sebelah
SULIT]